

Air empangan Pangsun bukan punca banjir

KUALA LUMPUR: Dakwaan sesetengah pihak mengenai banjir di Hulu Langat, baru-baru ini yang dikatakan berpunca daripada pelepasan air Empangan Pangsun dinafikan beberapa pihak termasuk Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ab Rashid Ab Wahab.

Menurut beliau, dakwaan itu tidak benar sebaliknya beliau menjelaskan, hujan lebat berpanjangan menyebabkan air naik begitu cepat hingga melebihi paras dua meter sekali gus menenggelamkan beberapa kawasan

perumahan.

“Hujan lebat yang berterusan menyebabkan air empangan melimpah keluar sebelum membanjiri kawasan sekitarnya dan saya difahamkan kawasan berhampiran empangan antaranya Kampung Sungai Semungkis dan Kampung Nanding serta Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) antara kawasan paling teruk terjejas,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Operasi dan Penyelenggaraan Puncak Niaga Sdn Bhd, Johari Pawanchik berkata, hanya Jabatan Peng-

airan dan Saliran (JPS) mempunyai kuasa membuka pintu empangan bagi membenarkan air simpanan terbabit mengalir ke sungai namun JPS juga tidak berbuat demikian.

Katanya, disebabkan air dalam empangan melebihi had takungan pada paras 220 meter, air terbabit secara automatik melimpah keluar melalui pintu lebihan takungan yang dibina di empangan.

“Ketika kejadian (banjir) pada malam itu, air dalam empangan mencapai paras 221 meter,” katanya.